



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : J.Pend.Pk.(AM)3955/79/1 (11)

Tarikh : 8 Januari 2018

Pengetua,
Sekolah Menengah Negeri Perak

Guru Besar,
Sekolah Rendah Negeri Perak

Tuan,

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat siaran Ruj:KPM.600-5/1/5 Jld.3(6) bertarikh 23 November 2017 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bil.4/2017 pada 26 Disember 2017 telah membuat ketetapan bahawa semua sekolah perlu melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan pentaksiran (DSKP) / Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) / Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM), Carta Alir Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) seperti lampiran 1, Buku Panduan PBS 2014 dan Buku Panduan Pentaksiran Sekolah 2016.

3. Sehubungan itu, semua sekolah perlu memastikan PBD dilaksana dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti dan melaksanakan Penjaminan Kualiti (4P) dalam usaha memperkasa Pentaksiran Bilik Darjah 2018.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Kamariah bt Zainnul Abidin atau Pn Noor Khasyimawati Bt Abdul Kadir di talian 05-2414000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATU HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, DPMP., AMP.)

Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Perak





Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



Lampiran 1

Memilih standard kandungan(SK) dan standard prestasi(SP) yang hendak diajar.







Rajah 7: Langkah-langkah pelaksanaan PBD secara sumatif

BAGAIMANA PENJAMINAN KUALITI PBS DILAKSANAKAN?

Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan PBS dilakukan melalui Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan oleh personel di peringkat Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah. Penjaminan Kualiti PBS dijalankan secara formal mengikut jadual yang ditetapkan atau secara informal mengikut keperluan Bahagian/JPN/PPD/ Sekolah.





PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-5/1/5 Jld. 3 (6)
Tarikh : 23 November 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,



PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.1/2014: Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PBS adalah dasar yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh (holistik) terhadap pencapaian dan pembelajaran murid yang terangkum menerusi empat komponen pentaksiran iaitu Pentaksiran Pusat (PP) bagi Tingkatan 3-atau Peperiksaan Pusat-(PeP)-UPSR-bagi-Tahun-6-, Pentaksiran Sekolah (PS)/Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

3. Sehubungan itu, sayugia diingatkan agar semua sekolah melaksanakan PBS dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti. Sebarang ketidakakuran dalam pentadbiran dan pengurusan PBS boleh menyebabkan prestasi sesebuah sekolah terjejas dan memberi kesan kepada sebarang kelayakan dan pengiktirafan kecemerlangan sesebuah sekolah.

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan peringatan ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

HAJI AMINUDIN BIN ADAM
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia